

Kuala Lumpur

Kira-kira 60 peratus daripada rakyat Malaysia tiada daya tahan ekonomi sekiranya ditimpa kejutan seperti kenaikan kos sara hidup mendadak sebagaimana yang melanda negara sekarang.

Felo Kanan Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) Ahmad Yazid Othman berkata, ada kajian mendedahkan bahawa sudah wujud kategori *economically dead* (maut ekonomi) yang merangkumi sehingga lima peratus daripada masyarakat termiskin di bandar dan luar bandar.

Katanya, dilihat inisiatif kerajaan sedia ada belum mencukupi untuk menangani pandemik kemiskinan pasca Covid-19.

“MTEM juga gusar melihat kemiskinan masyarakat Melayu dan Bumiputera khususnya paling ramai terkesan berbanding masyarakat lain.

“Kami khuatir sekiranya keadaan ini dibiarkan berterusan, ia turut menghimpit seluruh lapisan rakyat secara keseluruhan, bahkan secara tak langsung boleh menyumbang kepada penularan gejala sosial, kegiatan jenayah dan ketegangan hubungan antara kaum.

“Pihak MTEM ingin menyarankan supaya kerajaan segera melaksanakan langkah khusus bagi menangani krisis ekonomi yang menyasarkan golongan B60.



MTEM saran kerajaan melaksanakan langkah khusus menangani krisis ekonomi yang menyasarkan golongan B60.

BAHAYA ‘MAUT EKONOMI’

60% masyarakat kita tiada daya tahan jika ditimpa kejutan kenaikan kos sara hidup

meluaskan agihan serta menambah bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk merangkumi sehingga lima peratus masyarakat termiskin dan tidak terhad kepada golongan ‘miskin tegar’ semata-mata,” katanya kepada media sempena Forum Kemiskinan Rakyat Malaysia Pasca Pan-

demik di sini, semalam.

Ahmad Yazid berkata, isu kemiskinan ini amat serius dan perlu diutamakan, lebih-lebih lagi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) yang patut dicapai menjelang

2030, sasarannya sudah meningkat sebanyak 13 tahun iaitu pada 2043.

Menurutnya, isu Malaysia yang dijangka mencapai status negara menua menjelang 2030 juga sesuatu yang perlu ditanggung negara kerana 34 peratus rakyat didapati tidak mempunyai wang yang cukup untuk bersara.

“Jadi, dengan pengeluaran wang dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan menyukarkan lagi kebanyakan rakyat Malaysia untuk bertahan.

benarnya lebih bersifat jangka panjang dan kita berharap kerajaan bersama dengan pemegang taruh ekonomi mampu memberi satu penyelesaian dan memperhalusi bagaimana kaedah yang kita perlu fikirkan.

“Ada juga beberapa cadangan diberikan iaitu dengan membawa masuk lebih banyak pelaburan yang memberi gaji lebih baik dan kita perlukan cukai lebih progresif.

“Selain itu, kita perlu ambil perhatian mengenai hasil

nakan untuk membayar hutang dan memberi subsidi kepada yang tidak selayaknya,” katanya.

Beliau berkata, inisiatif untuk melonjakkan ekonomi luar bandar juga perlu diusahakan dengan menambah nilai perkhidmatan, menggunakan teknologi terkini dan menggalakkan penyelesaian luar kotak.

Katanya, semua ini mampu dilaksanakan memandangkan kos pelaksanaan usaha terbabit hanya sekitar 20 peratus daripada kos subsidi